

CURRENT
AWARENESS
SERVICE

OCTOBER 2016
ISSUE NO. 10

INTEGRITI

INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA • THE MALAYSIAN INSTITUTE OF INTEGRITY



**LUKISAN BERTAJUK 'HARAPAN' JUARA
PERTANDINGAN 'THE ART OF PaINTEGRITY'**

Berita penuh muka surat 4



MUNIF 2

CONTENTS / KANDUNGAN



EDITORIAL / EDITORIAL

03 Integriti: Dari Karya Seni Sehingga Ke Kertas Dasar

INTEGRITY ART DAY / HARI SENI INTEGRITI

04 INTEGRITI anjurkan *Integrity Art Day*

RESEARCH DISCUSSION / DISKUSI PENYELIDIK

06 Dasar awam sedia ada sudah bagus

NEWS / BERITA

07 INTEGRITI - PSWM anjurkan pertandingan Penyediaan dan Pembentangan Kertas Dasar Antara Pemimpin Mahasiswa IPT

08 Masyarakat pemerhati integriti pemimpin- Datuk Paul

09 Temu bual khas Pelan Integriti Nasional

09 Kedai Integriti galakkan budaya 'pembeli berintegriti'

FEATURES / RENCANA

10 Landskap pembiayaan politik bakal berubah

11 Telus dan berintegriti

NEW BOOKS IN OUR LIBRARY / BUKU BAHARU PUSAT ILMU INTEGRITI

14 Buku-buku baharu di Pusat Ilmu INTEGRITI

GALLERY / GALERI

15 Berita bergambar tentang aktiviti-aktiviti lain di INTEGRITI

EDITORIAL TEAM / SIDANG PENGARANG

Advisor

Dr. Anis Yusal Yusoff

Editor

Zubayry Abady Sofian

Staff Writer

Norsheeda Din

Photographers

Rosalizawati Arshad
Izal Ariff Zahrudin

Contributors

Fison Hamdi Ahmad
Zarina Mohamad Amin
Nurfafizah Zahari
Mohd Rais Ramli
Rajasegari Krishnan
Wan Kamaliah Wan Dagang

Assistant Editors

Nor Azni Ahmad Husairi (Malay)
Aimi Farhana Mohd Amin
(English)

Cover

Aryzam Rahim

Published monthly by

INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA

Menara Integriti, Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin, Off Jalan Tuanku Abdul Halim, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia. Tel: +603-6209 2000 Website: www.integriti.my

INTEGRITI: DARI KARYA SENI SEHINGGA KE KERTAS DASAR

Ungkapan 'seni untuk rakyat' memberi makna bahawa karya seni haruslah memberi gambaran apa yang terkandung dan terlansung dalam masyarakat sekeliling seseorang seniman. Seseorang seniman tidak boleh hidup terpisah dari kehidupan rakyat di sekelilingnya. Sebab keadaan sebenar rakyatlah yang selalu dirakamkan sebagai karya seni yang menggambarkan kesusahan, kepedihan, kepayahan mahupun kegembiraan dan kebahagiaan yang mereka benar-benar alami. Berbeza dengan 'seni untuk seni' di mana lukisan atau hasil karya dihasilkan semata-mata untuk seni dan dalam dunia seorang seniman itu sendiri. Penghuni dalam dunia ini merasakan bahawa apa yang terjadi dalam dunia seni mereka ini terlepas daripada isu-isu moral, agama, politik atau yang lainnya.

Mengambil pendekatan 'seni untuk rakyat' dalam melaksanakan pertandingan *'The Art of PaINTEGRITY'*, Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) mendekati para pelukis tanahair agar mereka juga dapat memainkan peranan dalam mendidik masyarakat melalui karya-karya seni mereka. Hasil karya mereka yang memberi makna sama ada kepada harapan yang menanti kita bila integriti menjadi amalan dan budaya masyarakat mahupun kehancuran yang menanti kita sekiranya integriti terkubur bersama niat murni ini harus dijadikan iktibar dan pedoman.

Ada ketikanya sebuah lukisan dapat memberi sejuta perkataan dan gambaran yang lebih jelas dari seribu helaian tulisan. Oleh kerana manusia itu berbeza-beza maka kita perlu mencuba segala cara dan kaedah untuk menimbulkan kesedaran dalam kalangan mereka. Tahap di mana akan timbulnya kesedaran setiap manusia tidak sama. Ada yang cukup dengan melihat kemusnahan masa hadapan yang menanti kita berdasarkan pengalaman negara-negara lain sudah cukup untuk menginsafkan mereka tetapi ada juga yang walaupun kenyataan sudah berada di hadapan mata, mereka ini masih lagi tidak mahu mengaku kesilapan atau menerima kenyataan tersebut.

Dalam menghadapi situasi yang berbeza-beza ini, dasar negara harus diformulasikan dengan memahami secara teliti hati nurani rakyat. Setiap Rancangan lima tahun negara adalah usaha untuk meletakkan dasar yang terbaik untuk memperbaiki keadaan masyarakat semasa tidak kira sama ada dasar mengenai kemiskinan, pendidikan, masalah sosial, mahupun hal-hal yang berkaitan dengan integriti dan tadbir urus negara. Semuanya untuk kebaikan rakyat. Sebab itu ia perlu diberi penelitian. Kaedah dasar *'top down'* walaupun sudah kurang sesuai pada hari ini, namun jika dilakukan harus dengan mendapat maklum balas rakyat agar mereka dapat merasakan bahawa pendapat mereka diambil kira dan dihargai.

Lebih baik sekiranya kita dapat merakyatkan dasar negara. Dasar untuk rakyat bukanlah dasar semata-mata untuk dasar seperti seni untuk seni tadi. Ianya harus mengambil kira denyut nadi rakyat. Antara karya seni dan kertas dasar, kedua-duanya punya peranan penting dalam masyarakat. Kedua-dua isu penting ini menjadi *'highlight'* dalam isu *Current Awareness Service (CAS)* kali ini yang cuba kami ketengahkan untuk tatapan semua pembaca.

Sekian, salam hormat dan selamat membaca!

Dr. Anis Yusal Yusoff



GAMBAR MUKA DEPAN

Lukisan tempat pertama pertandingan *The Art of PaINTEGRITY* bertajuk 'Harapan' karya Munif Muhamad Nor

Ketika hutan hangus terbakar, masih ada ranting dan dedaun yang baru tumbuh menghijau di celah-celah kemusnahan. Keadaan hutan seumpama kehidupan manusia yang penuh dengan salah laku. Rasuah berleluasa memporak-perandakan masyarakat hari ini. Ranting-ranting yang baru tumbuh dan berdaun hijau merupakan nilai-nilai integriti yang masih diamalkan oleh individu yang kaya dengan sifat terpuji. Daun-daun hijau tumbuh tanpa memerlukan sebarang peraturan tertentu kerana ia akan tumbuh mengikut fitrah alam. Begitu juga dengan amalan integriti. Tiada peraturan tertentu diperlukan untuk mengamalkannya. Ini kerana sifat terpuji dalam diri manusia adalah fitrah dari Tuhan yang Maha Pencipta. Manusia harus mengamalkan sifat terpuji dalam kehidupan seharian kerana sesuatu yang baik itu sentiasa memberi harapan yang memandu manusia ke arah kehidupan yang sejahtera.



(Dari kiri) Ar. Hj Ahmad Hilmy Hj. Abdullah, Dr. Anis Yusal Yusoff, Raja Ahmad Aminullah Raja Abdullah dan Najib Ahmad Bamadhaj



Tersenyum bangga... Para pemenang pertandingan The Art of PaINTEGRITY bergambar kenangan

INTEGRITI ANJURKAN *INTEGRITY ART DAY*

Oleh Fison Hamdi Ahmad

Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) baru-baru ini tampil dengan kelainan apabila menganjurkan *Integrity Art Day* (IAD) yang menggandingkan dua acara berbeza, tetapi berkesinambungan.

Majlis pada 25 Oktober lalu yang bertemakan 'Kanvas Integriti' ini dimulakan dengan sesi dialog yang membariskan tiga penggiat bidang seni visual tanah air iaitu Pengarah R. A. *Fine Arts* yang juga penyajak, penulis dan budayawan, Raja Ahmad Aminullah Raja Abdullah; pelukis dan pemilik Studio Ruang Bamadhaj, Najib Ahmad Bamadhaj; dan kartunis, Ar. Hj Ahmad Hilmy Hj. Abdullah.

Dialog berkenaan membincangkan tentang peranan seni lukis sebagai medium untuk menyebarkan mesej integriti. Menurut ketiga-tiga panel, pengaruh seni lukis berupaya membangkitkan kesedaran integriti dalam diri orang ramai, sekali gus mengubah paradigma masyarakat. Menariknya, perkaitan seni dan integriti dalam memberi impak terhadap pembentukan sahsiah dan integriti rakyat Malaysia turut

diiibaratkan seperti 'aur dengan tebing'.

Acara kemuncak IAD ialah penyampaian hadiah pertandingan lukisan *'The Art of PaINTEGRITY'* yang disampaikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia yang juga Ahli Lembaga Pengarah INTEGRITI, Dato' Sri Sharifah Zarah Syed Ahmad. Johan bagi kategori terbuka dimenangi oleh Munif Muhamad Nor dengan karya bertajuk 'Harapan', manakala juara untuk kategori pelajar pula diraih oleh Raden Hisbullah Radin Radin Abu Bakar dengan lukisan berjudul *'Somebody's Everybody's Everything'*.

Dilancarkan pada April 2016, pertandingan ini mendapat sambutan yang begitu menggalakkan daripada para pelukis tempatan sama ada amatir mahupun profesional. Karya-karya yang dihantar dihasilkan secara kreatif dengan menggunakan pelbagai teknik dan campuran media. Paling istimewa apabila salah seorang pemenang, Munif berjaya mengadun kertas buatan tangan dalam lukisannya sehingga menjadikan karya tersebut unik, menarik dan bermutu.

Selain menghasilkan karya-karya yang cantik dan berkualiti, lukisan-lukisan yang menyertai pertandingan ini juga mempunyai tafsiran yang begitu dekat dengan makna dan falsafah Integriti.

Turut berlangsung pada majlis itu ialah penyampaian hadiah pertandingan Video Pendek Integriti bertemakan "Nilai Integriti Pelbagai Agama Teras Kesejahteraan Rakyat". Ia telah dilancarkan pada 23 April lalu bersempena dengan sambutan ulang tahun INTEGRITI.



Para pemenang pertandingan Video Pendek Integriti bangga dengan kejayaan yang diraih



'Putih Ramlee Hijau Yoda'
oleh Daniel Ashraf Shamsul Aizat
(Tempat kedua kategori terbuka)

Gabungan watak Master Yoda daripada filem Hollywood, *Star Wars* dengan sebuah babak filem Melayu, Bujang Lapuk menjadi simbolik kepada integriti dalam masyarakat. Master Yoda adalah watak seorang guru yang tulus, jujur, tenang dan berilmu. Sementara babak dalam filem Melayu itu memaparkan tentang usaha tiga sekawan iaitu Ramlee, Ajis dan Sudin untuk menyediakan hidangan makan malam menjadi sia-sia kerana mengabaikan nilai integriti ketika memasak. Kombinasi kedua-duanya dalam karya ini memberikan interpretasi bahawa dalam apa jua bidang, setiap individu bukan sahaja perlu berguru. Malahan, perlu memiliki dan mengamalkan nilai integriti dalam diri agar apa yang diusahakan mencapai kejayaan.



'Karipap Cik Gebu'
oleh Wan Amy Nazira Abu Bakar
(Tempat ketiga kategori terbuka)

Karya ini mempamerkan seorang peniaga wanita yang berintegriti dengan penampilan yang bersih, cantik dan kemas. Dia

digambarkan sebagai peniaga yang boleh dipercayai, amanah, jujur dan ikhlas. Apabila hidup secara berintegriti, hati akan dipenuhi dengan kegembiraan dan keriang. Malahan, nilai-nilai ini yang akan mendorong orang lain untuk mendekati peniaga yang berintegriti.




**'Somebody's
Everybody's
Everything'**
oleh Raden
Hisbullah Radin
Abu Bakar
(Tempat pertama
kategori pelajar)

Gundam merupakan alat perang moden kawalan manusia yang mampu membinasakan dunia dengan mudah. Ia senjata manusia yang optimis dan patuh pada kawalan manusia. Dengan pengetahuan manusia yang cetek dan terhad sering kali menggunakannya hanya untuk kepentingan peribadi yang mengakibatkan kehancuran dunia dan tamadun. Makhluk asing boleh dikaitkan dengan logik akal sifat keperibadian seseorang yang mana pengetahuan tanpa integriti adalah berbahaya dan mengerikan.



'Mencetus Metamorfosis Diri'
oleh Muhammad Nur Syafiq Nizam
Shah
(Tempat kedua kategori pelajar)

Pengkarya mengandaikan metamorfosis rama-rama yang bermula daripada seekor beluncas sehingga menjadi rama-rama yang cantik dan berjaya 'mencetuskan diri' adalah sebagai satu nilai murni. Membebaskan haiwan juga adalah integriti yang amat bermakna terhadap haiwan yang inginkan kebebasan.



"Usaha Si Tua"
oleh Muhammad Syafiq Kholid
(Tempat ketiga kategori pelajar)

Karya ini menunjukkan seorang lelaki tua sedang gigih membuat keris demi memartabatkan adat dan seni warisan Melayu. Walaupun sudah dimamah usia, dia tidak mengalah dalam mendukung adat. Jati dirinya yang kuat memupuk semangat untuk terus mencipta keindahan Melayu yang semakin menghilang. Sebilah keris berlatarkan keindahan kerawang memaparkan ciri-ciri kemelayuan.

DASAR AWAM SEDIA ADA SUDAH BAGUS

Oleh Zarina Mohamad Amin dan Azni Husairi

Dasar awam dan undang-undang digubal demi kesejahteraan dan kemakmuran rakyat negara ini. Namun begitu, Kajian Penilaian Keberkesanan Dasar Awam dan Undang-Undang yang sedang dilaksanakan oleh Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) dengan bantuan penyelidik dari Institut Transformasi Sosial dan Pembangunan Wilayah (TRANSFORM) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) memperlihatkan wujudnya pelbagai cabaran dan kekangan yang perlu ditempuh, khususnya dalam usaha memantapkan urusan tadbir urus negara.

Oktober lalu, dua perbincangan meja bulat diadakan secara berasingan di dua zon iaitu di Kedah dan Terengganu bagi membincangkan maklum balas kajian berkenaan terhadap kualiti hidup yang lebih baik serta penyampaian awam yang lebih efisien.

Perbincangan di Jabatan Integriti dan Tadbir Urus Negeri Kedah Darul Aman di Alor Setar pada 18 Oktober dihadiri oleh 14 wakil daripada agensi pihak berkuasa tempatan (PBT), Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kedah (JPBD), Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Pejabat Tanah dan Galian Negeri Kedah, Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Unit Integriti dan Persatuan Kontraktor.

Dalam perbincangan tersebut, faktor ekonomi, pentadbiran sesebuah negara dan elemen politik juga dilihat memainkan peranan yang penting dalam melaksanakan dasar kerajaan. Pelaksanaan dasar awam dan undang-undang mempunyai kesan dan impak kepada kerajaan pusat. Justeru,

perhatian yang lebih perlu diberikan terhadap aspek pemantauan, penyeliaan, pelaksanaan, penguatkuasaan dan faktor tingkah laku manusia yang boleh menghalang pembangunan dasar yang efektif.

Sementara itu, perbincangan meja bulat yang berlangsung di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu pada 24 Oktober disertai oleh 15 peserta mewakili agensi PBT, JKR, CIDB, KPKT, SPRM, Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH), Pejabat Tanah, Unit Integriti dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

Hasil perbincangan mendapati undang-undang yang telah termaktub dalam perlembagaan tidak boleh diubah, tetapi dasar awam yang sedang diguna pakai boleh berubah. Perubahan ini disebabkan oleh penurunan kuasa yang diarahkan dari semasa ke semasa oleh pihak pengurusan atasan. Situasi ini perlu dilihat semula agar wujud kepatuhan dalam memahami dasar sedia ada yang dilaksanakan terhadap masyarakat. Tambahan pula, proses menugaskan kerja (delegate) dan penurunan kuasa boleh menimbulkan konflik dalam



Antara peserta perbincangan meja bulat melaksanakan tugas.

Selain itu, kurang kefahaman dan pengetahuan dalam kalangan penjawat awam, khususnya terhadap dasar baharu yang dilaksanakan dalam agensi kerajaan turut menjejaskan pelaksanaan dasar berkenaan. Oleh itu, bimbingan, pendidikan dan kesedaran terhadap nilai integriti tadbir urus dalam kalangan penjawat awam perlu ditingkatkan bagi memperkenalkan sistem perundangan yang lebih efisien.

Walaupun berlangsung di lokasi yang berbeza, perbincangan di kedua-dua negeri mengakui bahawa dasar awam yang sedia ada sudah bagus. Namun, kekangan daripada aspek pelaksanaan dasar dan undang-undang masih ada. Justeru, sesuatu perlu segera dilakukan agar nilai kebagusan dasar awam ini tidak hilang atau tenggelam oleh kekangan yang ada.



Peserta perbincangan meja bulat di Terengganu

INTEGRITI - PSWM ANJURKAN PERTANDINGAN PENYEDIAAN DAN PEMBENTANGAN KERTAS DASAR ANTARA PEMIMPIN MAHASISWA IPT

Oleh Nurhafizah Zahari dan Azni Husairi

Sebagai pewaris negara, mahasiswa bukan sekadar wajar didedahkan dengan pelbagai pengetahuan berkaitan dasar kerajaan. Tetapi juga harus diberi peluang untuk menyuarakan pendapat serta pandangan demi ke arah penambahbaikan dasar, khususnya daripada aspek integriti dan tadbir urus yang baik.

Untuk itu, Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) bersama dengan Persatuan Siswazah Wanita Malaysia (PSWM) telah menganjurkan satu pertandingan Penyediaan dan Pembentangan Kertas Dasar Antara Pemimpin Mahasiswa Institut Pengajian Tinggi 2016 pada 15 Oktober yang lalu.

Pertandingan yang julung-julung kali diadakan ini memberikan ruang dan peluang kepada mahasiswa untuk memahami dan menyelami proses pembuatan dasar negara, sekali gus merangsang minda mereka agar berfikir secara kritis berkenaan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan terhadap dasar kerajaan yang sedia ada. Justeru, lima tajuk yang diketengahkan dalam pertandingan ini menyentuh lima



Bangga... Pasukan UiTM tersenyum puas selepas diumumkan sebagai juara

dasar negara iaitu Dasar Perolehan Negara, Dasar Keselamatan Dalam Negeri, Dasar Sosial Negara, Dasar Belia Negara dan Dasar Pendidikan Negara.

Lapan pasukan daripada tujuh institusi pengajian tinggi awam dan swasta menyertai pertandingan ini. Antaranya ialah Universiti Malaya (UM), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Islam Antarabangsa

Malaysia (UIAM), Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Bagaimanapun, pasukan UiTM telah berjaya menjadi juara dengan tajuk kertas dasar mereka ialah 'Masalah belia yang kurang bermoral: Perlukah satu pandangan baru dalam Dasar Belia Negara mengenai isu ini? Sementara itu, tempat kedua dan ketiga di sandang oleh UIAM dan UM.



Suasana sepanjang pertandingan

MASYARAKAT PEMERHATI INTEGRITI PEMIMPIN - DATUK PAUL

Oleh Mohd Rais Ramli

Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) dengan kerjasama Universiti Teknologi PETRONAS (UTP) telah menganjurkan *Tun Azizan Zainal Abidin Integrity Lecture Series (TAZA-ILC) 2016* di Kompleks Canselor UTP, Bandar Seri Iskandar, Perak pada 19 Oktober lalu. Sesi syarahan disampaikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Datuk Paul Low Seng Kuan.

Dalam syarahan bertajuk '*Governance and Integrity: The Challenge on Trust Deficit*', Datuk Paul berkata, *trust deficit* atau hilang rasa percaya rakyat terhadap pemerintah pada masa kini adalah kelangsungan daripada kelemahan pemimpin mentadbir kerajaan dan menguruskan kepentingan rakyat secara berintegriti. Cabaran tersebut menjadi lebih besar apabila kes melibatkan rasuah dan salah guna kuasa semakin meningkat dengan membabitkan jumlah wang yang besar. Justeru, bagi menangani masalah ini, beliau menegaskan tentang pentingnya peranan masyarakat sebagai pemerhati.

"Sokongan masyarakat penting untuk membanteras masalah integriti yang dihadapi negara pada masa kini. Masyarakat perlu sentiasa peka dengan sebarang kemungkinan berlakunya salah laku integriti dan melaporkannya kepada pihak bertanggungjawab

untuk diambil tindakan. Pada masa yang sama, masyarakat juga hendaklah menjadikan budaya integriti sebagai cara hidup," ujar beliau lagi.

TAZA-ILC dihadiri oleh sekitar 500 orang penuntut UTP. Ia merupakan program TAZA-ILC keenam anjuran bersama kedua-dua institusi. Nama TAZA diambil sempena tokoh kepimpinan korporat berintegriti tinggi, Allahyarham Tun Azizan Zainal Abidin yang juga merupakan mantan Pengerusi PETRONAS.

Turut hadir dalam program berkenaan ialah Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Dr. Anis Yusal Yusoff dan Naib Canselor UTP, Datuk Ir (Dr.) Abdul Rahim Hashim.



YB Datuk Paul Low Seng Kuan ketika menyampaikan syarahan



TEMU BUAL KHAS PELAN INTEGRITI NASIONAL

Oleh Rajasegari a/p Krishnan

Bersama-sama Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI), Pelan Integriti Nasional (PIN) telah melatari perkembangan integriti tanah air sejak 12 tahun lalu. Pelancarannya oleh Perdana Menteri Malaysia yang kelima, Tun Abdullah Ahmad Badawi pada 23 April 2004 sudah tentu memberi makna yang amat dalam, khususnya terhadap aspirasi menjadi sebuah negara yang berintegriti tinggi.

Justeru, bersama dengan Arkib Negara Malaysia, INTEGRITI telah mengadakan beberapa siri temu bual tentang sejarah PIN secara berasingan dengan tiga tokoh penting perintis PIN iaitu Felo utama INTEGRITI dan Felo Utama Institut Kajian Antarabangsa (IKMAS), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Emeritus Dato' Dr. Abdul Rahman Embong, Pengerusi Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP), Tan Sri (Dr.) Samsudin Osman dan Pengerusi Telekom Malaysia Berhad (TM), Tan Sri Dr. Sulaiman Mahbob yang masing-masing berlangsung pada 17 Oktober, 6 Oktober dan 4 Oktober 2016.

Prof. Emeritus Abdul Rahman merupakan antara individu utama yang merangka pengisian PIN bersama dengan anggota-



Tan Sri (Dr.) Samsudin Osman



Prof. Emeritus Dato' Dr Abdul Rahman Embong



Tan Sri Dr. Sulaiman Mahbob

anggota Jawatankuasa Pelaksana PIN yang lain. Sementara itu, Tan Sri Samsudin pula adalah mantan Ketua Setiausaha Negara merangkap Pengerusi INTEGRITI yang pertama, manakala Tan Sri Sulaiman merupakan Presiden INTEGRITI pertama yang dilantik. Kedua-dua mereka merupakan tokoh penting dalam pentadbiran tinggi kerajaan yang turut serta menjayakan penggubalan PIN, sekali gus membawa kepada penubuhan INTEGRITI.

Sesi temu bual ini merupakan sebahagian daripada usaha INTEGRITI untuk mendokumentasikan sejarah penggubalan PIN dan penubuhan INTEGRITI. Ia bakal dibukukan agar dapat dikongsi dan dihayati bersama oleh masyarakat dan generasi masa depan.

KEDAI INTEGRITI GALAKKAN BUDAYA 'PEMBELI BERINTEGRITI'

Oleh Wan Kamaliah Wan Dagang

Tada penjaga mahupun juruwang. Yang ada hanyalah barang-barang berserta dengan tanda harga dan bekas kecil sebagai tempat meletakkan wang. Demikianlah uniknya kedai Integriti di Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) yang telah memulakan operasi sejak 5 Oktober yang lalu.

Terletak di laluan utama ke Pusat Ilmu INTEGRITI, kedai yang berkonsepkan layan diri ini menjadikan nilai jujur dan amanah sebagai teras kepada urusan niaga yang dijalankan.

Menurut Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dr. Anis Yusal Yusoff, kedai Integriti ini dibuka bukan sekadar untuk memberi peluang kepada warganya menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan, tetapi juga mendidik mereka agar menjadi pembeli yang beramanah.



"Setiap orang mestilah jujur dan amanah apabila hendak membeli barang. Mereka kena bertanggungjawab dan membayar setiap barang yang mereka beli," ujar beliau lanjut.

Beroperasi sepanjang waktu pejabat, Kedai Integriti ini menjual pelbagai jenis makanan ringan dan barangan runcit. Selain dikunjungi kakitangan INTEGRITI, ia turut mendapat sambutan daripada orang awam yang hadir dalam program-program yang diadakan di INTEGRITI.

LANDSKAP PEMBIAYAAN POLITIK BAKAL BERUBAH

Oleh Dr. Anis Yusal Yusoff

Disiarkan dalam Berita Harian, 10 Oktober 2016

JUMAAT minggu lalu, Senator Datuk Paul Low, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Konsultatif Mengenai Pembiayaan Politik (JKNMPP) mengumumkan laporan penuh JKNMPP untuk makluman semua pihak.

Pelbagai reaksi dilontarkan. Ada yang memuji 32 cadangan JKNMPP. Ada yang memberi peringatan mengenai bagaimana cadangan itu boleh disalahgunakan dan tidak kurang juga yang mengeji dan mengutuk.

Rata-rata ahli politik dari kedua-dua belah pihak yang mendominasi dalam memberi reaksi mereka. Ini tidak dapat dielakkan kerana cadangan itu akan mengubah landskap pembiayaan politik yang biasa diamalkan sebelum ini oleh mereka.

Tidak cukup ia hanya dibincangkan di ruangan pembaca akhbar atau di media sosial. Kita harus wujudkan ruang untuk rundingan secara konsultatif ini terus subur sebagai sebahagian sistem demokrasi dalam negara.

Baru-baru ini dalam forum *Megatrends* anjuran Khazanah Nasional, Datuk Seri Nazir Razak ada mencadangkan agar diwujudkan kembali Majlis Perundingan Konsultatif Nasional bagi kita mencari jalan bersama mengenai Malaysia yang bagaimana kita mahukan pada masa hadapan.

Dalam usaha membina negara bangsa, kita harus memberi ruang untuk rakyat berbincang secara matang. Kita patut boleh bersetuju untuk tidak bersetuju. Tetapi tidak bermaksud kita harus berseteru dengan orang yang mempunyai pandangan berbeza dengan kita. Semua pihak mahukan terbaik untuk Malaysia.

Kembali ke meja rundingan

Sebab itu, saya merasakan cadangan Nazir itu harus diberi penelitian oleh semua pihak kerana untuk menyuburkan demokrasi dalam negara ini, ada waktunya kita perlu kembali ke meja rundingan.

JKNMPP adalah contoh kecil daripada majlis perundingan konsultatif lebih besar, yang sepatutnya dapat mewakili pendapat semua pihak agar satu kesefahaman dapat dicapai. Dalam konteks JKNMPP, dengan 20 ahli dan pelbagai sesi perbincangan dengan masyarakat dan wakil parti politik, adalah mustahil untuk memenuhi kehendak semua pihak.

Apa yang penting, cadangan itu dilihat sebagai permulaan kepada usaha mentransformasi negara ke arah sistem politik yang lebih baik. Semua pihak seeloknya membaca laporan itu terlebih dahulu sebelum memberi komen. Jika semua cadangan dilaksanakan, ia akan membuka lembaran baharu dalam arena politik Malaysia.

Lihat kepada cadangan itu secara objektif dan nilaikan bagaimana kita boleh mengambil peluang daripada inisiatif ini untuk membaiki institusi-institusi lain yang turut sama memainkan peranan ke arah mewujudkan negara bangsa yang demokratik dan dapat terus membangun dengan pesat.

Daripada laporan JKNMPP, kita dapat melihat beberapa inisiatif sangat konstruktif untuk dilaksanakan dengan segera, terutama menjelang Pilihan Raya Umum Ke-14. Ada antara cadangan itu boleh dibuat segera tanpa kajian mendalam. Ada pula yang perlu diberi penelitian terutama yang berkaitan dengan undang-undang.

Sebagai contoh, cadangan berkaitan penubuhan Pejabat Pengawal Sumbangan dan Pembiayaan Politik yang bakal diberi peranan menguatkuasakan mekanisme berkaitan pembiayaan politik. Idea supaya Pejabat Pengawal Sumbangan dan Pembiayaan Politik bertanggungjawab kepada Jawatankuasa Tetap Parlimen Mengenai Pembiayaan Politik adalah satu usaha ke arah urus tadbir yang baik dan meletakkan Parlimen sebagai institusi utama dalam negara yang perlu dihormati semua pihak.

Kita perlu mengembalikan kepercayaan rakyat kepada institusi Parlimen sebagai tempat wakil rakyat berbincang dan berdebat mengenai undang-undang yang terbaik untuk negara. Parlimen harus memainkan peranan sebagai institusi pendaulat integriti.

Cadangan agar Kerajaan Pusat menyediakan peruntukan kepada setiap wakil rakyat, di kedua-dua peringkat Parlimen dan Dewan Undangan Negeri juga harus diberi penelitian. Penyediaan peruntukan kewangan bagi pejabat Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri untuk mereka memberi perkhidmatan kepada rakyat adalah sangat mustahak, tidak kira parti, bagi menyuburkan sistem demokrasi di Malaysia.

Usaha kembalikan keyakinan

Pembaharuan pembiayaan politik yang disyorkan ini langkah permulaan yang baik. Malah, kita merasakan usaha ini tidak boleh

dilengah-lengahkan. Akta Sumbangan dan Perbelanjaan Politik harus digubal dengan segera oleh kerajaan selepas dipersetujui Kabinet dan dibentangkan segera di Parlimen sebagai antara usaha fasa pertama dalam mengembalikan keyakinan rakyat kepada sistem demokrasi.

Fasa kedua boleh memberi penumpuan dengan mengambil pendekatan sama ke atas Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan agensi terbabit dalam sistem politik, pilihan raya dan demokrasi negara. Pembaharuan institusi terbabit seperti ini sangat penting, selaras dengan laporan JKNMPP.

Dalam konteks ini, pada hemat saya sekiranya kita ada majlis perundingan konsultatif seperti dicadangkan, kita boleh membawa

pelbagai isu untuk dibincangkan dan dicari jalan penyelesaian bersama. Perbincangan untuk mencari penyelesaian untuk kebaikan semua rakyat Malaysia tidak boleh hanya berlaku di bilik mesyuarat pejabat parti politik sahaja, ia harus mengambil kira pendapat semua pihak dan mencari jalan tengah kepada sebarang perbezaan.

Dalam konteks pembiayaan politik, suara rakyat harus diberi tempat mengatasi hasrat dan kemahuan parti-parti politik dan ahlinya. Ahli politik harus mendengar pandangan rakyat mengenai Malaysia yang mereka impikan. Semoga semua pihak dapat bekerjasama ke arah negara yang lebih demokrasi. Keutamaan harus diberikan oleh semua pihak kepada usaha ini. Ini untuk masa depan negara yang lebih baik dan manfaat rakyat bersama.

* Penulis ialah Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI

TELUS DAN BERINTEGRITI

Oleh Hafizahril Hamid dan Amizul Tunizar Ahmad Termizi
Disiarkan dalam *Mingguan Malaysia*, 30 Oktober 2016

Mukadimah: Soal ketelusan dalam dana pilihan raya sering kali menjadi polemik sama ada di pihak kerajaan memerintah mahupun pihak pembangkang. Kemelut ini senantiasa menjadi 'bahan politik' memandangkan sehingga kini tidak ada kekangan dan undang-undang yang khusus bagi membendung perkara ini. Namun hakikatnya sudah sampai masa bagi negara ini menjalani proses politik dan berkempen dalam pilihan raya secara telus dan matang.

Dan keutamaan harus diberi dalam menjadikan dana politik yang bersih dan bukan daripada sumber meragukan sebagaimana dilakukan di negara maju. Untuk mendalami persoalan ini, wartawan *Mingguan Malaysia* Hafizahril Hamid dan Amizul Tunizar Ahmad

Termizi mewawancarai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI), Dr. Anis Yusal Yusoff.

Apakah Malaysia benar-benar memerlukan satu akta pembiayaan politik?

ANIS: Kita tidak ada akta. Kalau kita tidak mahu wujudkan satu akta yang mengawal selia pembiayaan politik, masalah akan berterusan. Kalau dalam ROS atau Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) ada peraturan yang boleh digunakan, tidak apa tetapi tidak ada. Kami sudah kaji semua undang-undang. Kami panggil wakil daripada SPR dan Jabatan Peguam Negara, undang-undang yang ada dalam negara ini tidak ada satu pun yang boleh mengaitkan

kalau ada orang ambil duit dari luar dan belanja duit itu.

Mungkin Dr. boleh berikan contoh negara-negara luar yang sudah mewujudkan akta sebegini?

ANIS: Antaranya Kanada malah Taiwan yang belum jadi ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Mexico, India, Indonesia dan Korea Selatan pun ada akta ini. Malah, di Mexico untuk mengehadakan supaya tidak ada pengaruh syarikat perniagaan, mereka tetapkan kerajaan akan peruntuk duit kepada orang yang hendak bertanding supaya tidak diterima daripada luar.

Ada ahli politik pembangkang mempersoalkan kenapa cadangan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Konsultatif Nasional Mengenai Pembiayaan Politik (JKNMPP) tidak meletakkan had bagi perbelanjaan semasa berkempen?

ANIS: Sebelum ini kalau tidak telus dan tidak dilaporkan, memanglah tak letak had itu jadi masalah. Untuk berbelanja, kalau orang sudah derma kepada dia RM10 juta, dia belanjalah untuk rakyat balik, kempen dan tentukan dia menang. Semua itu kita boleh baca. Kalau tiba-tiba dia menang, syarikat tertentu yang derma kepada dia tiba-tiba dapat projek, rakyat boleh menjadi hakim terbaik. Sebab dia tak telus, rakyat boleh hukum dia dalam pilihan raya akan datang. Apa yang kita wujudkan ini sebenarnya untuk memberi had upaya kepada rakyat supaya memilih orang yang layak.

Kalau rakyat yang beri duit dan pilih wakil rakyat itu, kesetiaan wakil rakyat itu sudah tentu kepada rakyat. Budaya ketelusan yang kita hendak wujudkan ini, sebenarnya boleh menghasilkan cara berfikir baharu. Orang yang berketrampilan boleh ada cukup dana untuk jadi ahli politik. Kita boleh galakkan orang beri terus kepada seseorang.

Sebelum ini tidak ada cara, orang beri terus kepada seseorang. Mereka biasa buat majlis makan malam untuk kutip sumbangan tetapi tidak telus sebab tidak dilaporkan. Sekarang kita hendak semua itu patut dilaporkan. Orang yang hendak bertanding isytihar harta dan minta bantuan. Mereka buka akaun berasingan untuk dana politik. Pada masa sama, pembiayaan politik yang telus akan lindungi ahli-ahli politik. Sebab, ada ketikanya dia tidak tahu siapa beri duit kepada dia. Kalau ada had perbelanjaan kempen pilihan raya pun, tidak ada pihak yang pantau berapa banyak dia belanja.

Sumbangan dana politik dan perbelanjaan kempen pilihan raya di AS juga tidak ada had. Apakah ini dijadikan model untuk dilaksanakan di Malaysia?

ANIS: Kita sebenarnya tidak gunakan AS sebagai model. Ada sesetengah perkara dalam pembiayaan politik di AS ia dikawal oleh syarikat besar kerana melibatkan dana yang besar. Kita hendak elakkan mana-mana parti dikuasai oleh syarikat-syarikat multinasional. Dalam geopolitik, parti Demokrat dan Republikan sudah ada pemberi dana. Mereka terbuka dan mengamalkan sistem dua parti. Di AS ada *Community Chest* iaitu tabung yang dibuka untuk menerima sumbangan daripada semua orang. Tetapi cara pengagihan dana itu, semua calon akan dapat peruntukan. Saya tidak mahu ambil contoh AS sebagai model sebab kita sudah tengok banyak model tetapi kita hendak sesuaikan dengan keadaan semasa. Kita tidak ambil model mana-mana pun. Kita tengok contoh beberapa negara dan buat perbandingan. Kalau negara yang lekeh pun ada peraturan tertentu, kita perlu tunjuk contoh lebih baik. Sebelum ini tidak ada pun orang cakap pasal pembiayaan politik tetapi rakyat mahukan cara orang politik berbelanja secara telus. Sebagai contoh, dalam membuat perbelanjaan tuntutan kerja di syarikat, ada peraturan tertentu yang perlu dipatuhi. Tetapi cuba dalam parti politik, apakah ada peraturan dan kalau ada, apakah ia dilaksanakan?

Ramai orang melihat isu integriti dalam pengurusan dana politik dikaitkan dengan saiz parti yang memegang kuasa. Komen saudara?

ANIS: Apabila kamu merasai kuasa, kamu akan mahu terus kekal berkuasa. Ini tidak kira sebesar mana pun parti itu. Ini berlaku di mana-mana negara pun. Katakan, di Malaysia, kerajaan BN yang berkuasa tetapi ada negeri yang dikuasai parti pembangkang. Di mana pun, kita hendak buat benda ini dengan telus sama ada parti besar atau kecil. Isunya sekarang ialah apa yang terbaik kepada rakyat terbanyak.

Cadangan yang dibuat oleh jawatankuasa ini sebenarnya adalah sebahagian daripada agenda besar negara untuk menjadikan negara berintegriti tinggi.

Matlamat pada 2004, semasa Perdana Menteri masa itu, Tun Abdullah Ahmad Badawi melancarkan Pelan Integriti Nasional dan Institut Integriti Malaysia, adalah untuk menjadikan Malaysia sebuah negara berintegriti tinggi. Pada kami, ia adalah kejayaan

besar sekiranya cadangan ini diterima. Sebab itu kita bersusah payah jadi sekretariat dan rujukan.

Setakat inilah, bagaimana penerimaan parti-parti politik terhadap cadangan yang dikemukakan oleh JKNMPP? ANIS:

Kalau kita tengok daripada BN, Perdana Menteri sendiri secara prinsip boleh terima tetapi perlu diperincikan. Ini cadangan jawatankuasa dan kita tidak mahu ubah. Sebab itu kita tidak serah dahulu kepada Kabinet sebab nanti orang kata apa yang kita laporkan sudah dipinda.

Sebab itu kita umumkan dahulu dan menteri yang jadi pengerusi jawatankuasa ini kata selepas ucapan bajet, cadangan ini akan dibentangkan kepada Kabinet. Selepas itu, Kabinet akan ada jawatankuasa untuk melihat perkara ini dan minta Peguam Negara drafkan akta untuk dibentangkan dalam Parlimen. Jadi proses itu akan memakan masa. Itu realitinya dan ada sokongan daripada sesetengah orang dalam kerajaan.

Saya minta mereka baca benda ini secara rasional. Sebab ada cadangan kita sampai ke tahap entiti perniagaan yang dimiliki kerajaan di semua peringkat dilarang membuat sumbangan bagi tujuan politik. Ini termasuk syarikat milik kerajaan (GLC), syarikat milik kerajaan negeri dan penerima konsesi. Sebab akan berlaku konflik kepentingan.

Kita juga cadangkan supaya kerajaan menyediakan peruntukan kewangan untuk menyokong operasi pejabat pusat khidmat Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dengan berkesan. Peruntukan ini harus datang daripada bajet kerajaan Persekutuan dan negeri. Ini tidak kira parti mana pun. Kenapa tidak ada ahli politik daripada pembangkang yang sekurang-kurangnya memuji cadangan ini?

Janganlah hentam sahaja sebab tidak ada had perbelanjaan sedangkan mereka tidak faham rasional kita tidak letak had. Kita perlu tengok cadangan ini secara keseluruhan. Jangan ambil satu dua sahaja dan kemudian disensasikan atau minta bukan-bukan. Saya rasa cadangan ini boleh dilaksanakan.

Sebelum ini ada dibangkitkan tentang dana asing yang disalurkan menerusi NGO atau syarikat tetapi sebenarnya digunakan untuk tujuan politik. Bagaimana ia

dapat dipantau?

ANIS: Sebab itu kita mahu wujudkan pejabat pengawal. Kalau mereka tidak isytihar sumbangan itu, kita boleh gunakan akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau penggabungan wang haram. Ada peruntukan yang boleh digunakan jika ada orang beritahu tentang sumbangan itu. Jika sumbangan itu diberi, kita mahu tahu punca dari mana. Sebab itu penting ketelusan. Kita boleh jejak dari mana wang itu datang.

Tetapi percayalah sebagai manusia, mereka akan cari jalan untuk buat benda ini. Tetapi sekurang-kurangnya kita sudah buat sekatan. Kalau mereka hendak buat, akan lebih sukar. Kalau hendak buat juga, mereka boleh cari jalan tetapi kalau kitadapat tahu, mereka akan dihukum. Wang tersebut akan dirampas dan dimasukkan di bawah dana penyelia untuk diagihkan kepada orang yang memerlukan. Sekarang, kalau kita dapat tahu pun, kita hendak buat apa?


Bagaimana dengan pembiayaan dana politik menggunakan wang hasil aktiviti haram? Isu ini bukan sekadar sukar dikesan tetapi kesedaran ahli politik itu sendiri untuk tidak menerima wang berkenaan?

ANIS: Dua minggu lalu saya ada buat perbincangan tentang 'ekonomi bawah tanah'. Ekonomi pasaran gelap ini merupakan punca utama kepada masalah rasuah yang berlaku di negara ini. Mereka buka syarikat atau kedai yang menjalankan perniagaan sah untuk mencuci wang haram tersebut. Kalau kita tahu syarikat tersebut mencuci wang haram, kita perlu ambil perhatian dan menerima sumbangan daripada mereka.

Kita tengah usahakan kerjasama dengan polis untuk gunakan maklumat antarabangsa bagi menunjukkan sejauh mana kaitan antara mereka dengan ahli politik dan pihak berkuasa. Kalau kita tidak tangani isu ekonomi bawah tanah, isu ini tidak akan selesai. Mereka ini sukar disentuh kerana mereka ada bela orang tertentu.

Apa makna kalau kita tidak uruskan pembiayaan politik ini, orang yang berkuasa nanti hanya jadi boneka kepada orang yang memberi wang. Kita hendak wujudkan wakil rakyat sebenar yang bekerja untuk rakyat. Kita hendak selesaikan benda ini supaya dapat kurangkan ketirisan pada masa hadapan. Kalau hendak buat pun susah. Tetapi sekarang, mereka hendak buat senang tanpa perlu fikir panjang.

PURIFICATION OF THE HEART




Publisher: Sandala

Published: 2012

Writer: Hamza Yusuf

This exploration of Islamic spirituality delves into the psychological diseases and cures of the heart. Diseases examined include miserliness, envy, hatred, treachery, rancor, malice, ostentation, arrogance, covetousness, lust, and other afflictions that assail people and often control them. The causes and practical cures of these diseases are discussed, offering a penetrating glimpse into how Islam deals with spiritual and psychological problems and demonstrating how all people can benefit from these teachings.

THE DEATH OF CORPORATE REPUTATION



Publisher: Pearson Education, Inc.

Published 2013

Writer: Jonathan R. Macey

In *The Death of Corporate Reputation*, pioneering corporate law and governance expert and Yale professor Jonathan Macey describes the disastrous transformation from the old reputational model to the existing buyer beware model in finance. Macey convincingly argues that the change can be attributed to several factors, including (1) the growth of reliance on regulation rather than reputation to protect customers and (2) growing regulatory complexity, which has made technical expertise more important to customers than reputation. After identifying the heart of the problem, he offers a better path forward - and a true "silver lining" in the age of Madoff.



KUNJUNGAN

Pada 12 Oktober lalu, INTEGRITI telah menerima kunjungan 26 orang penyelidik mewakili 18 organisasi di Indonesia dan seorang wakil daripada Kementerian Keuangan. Turut sama menyertai lawatan tersebut ialah sekumpulan penyelidik Institut Penyelidikan Perakaunan (ARI) Universiti Teknologi Mara (UiTM).



SIARAN LANGSUNG

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI telah dijemput oleh Astro Awani untuk bersiaran langsung di Agenda Awani bagi membincangkan 'Pembayaan Politik di Malaysia: Memperkukuh Integriti'.



LAWATAN

INTEGRITI telah menerima kunjungan delegasi daripada Pejabat Daerah Kuala Langkat pada 4 Oktober lalu. Sempena lawatan tersebut, Penyelaras Program Institusi Pentadbiran, En. Anuar Hj. Ahmad telah memberikan sedikit perkongsian tentang Integriti dalam Perkhidmatan Awam.





www.integrity.my

